

PENDIDIKAN

Teknikal, vokasional kurang kemudahan

Hasrat kerajaan menjadikan bidang teknikal dan vokasional (TEVT) sebagai pilihan utama dalam satu perspektif baharu amat disokong. Apatah lagi hasrat Kementerian Pendidikan (KPM) bergerak seiring dengan matlamat melahirkan 30 peratus pekerja mahir dalam kalangan tenaga kerja negara menjelang 2020.

Fitrah manusia, kadangkala apa dirancang atas kertas tidak sama dengan pelaksanaannya ekoran pelbagai kekangan.

Sebagai penguasa pusat latihan kemahiran swasta yang berpengalaman selama 20 tahun dan menjadi pemimpin pelbagai perisian berkaitan latihan kemahiran sejak 15 tahun lalu, saya berkesempatan mendengar maklum balas pelajar, guru, pengetua, pegawai yang melaksanakan dasar, ibu bapa dan majikan (industri) mengenai pelaksanaan TEVT ketika ini. Semua sesi perbincangan atau maklum balas berlaku sama ada secara langsung ataupun sebaliknya.

Maklum balas pelbagai pihak menggerakkan saya mengulas apa sebenarnya sedang berlaku. Langkah penyelesaian Kerjasama Awam dan Swasta (Private, Public Partnership) 3P perlu dilaksanakan segera untuk memastikan kualiti pelaksanaan TEVT bukan semata-mata kelihatan cantik sebagai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) atas kertas semata-mata.

Buat masa ini, KPM sedang melaksanakan tiga jenis TEVT, iaitu program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di Kolej Vokasional (KV); Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMMA) dan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di sekolah harian.

Program DVM difahamkan diletakkan di bawah kawal selia Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), manakala PVMMA dan PAV menjalankan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP), Sumber Manusia (KSM).

Matlamat dan struktur ini memang kelihatan cantik tetapi sebenarnya wujud pelbagai keresehan yang perlu dibersihkan se-gera yang sebenarnya ibarat per-



Kelengkapan yang mencukupi memudahkan pelajar aliran teknikal dan vokasional menjalankan latihan praktikal. (GAMBAR HIASAN)

barah yang sedang merebak dan menunggu lebih parah.

Pada peringkat DVM, keresahan banyak pihak, terutama guru ialah isu pengiktirafan MQA yang masih belum selesai sehingga kini. Ini memberikan tekanan kepada guru berkenaan kerana terpaksa menyediakan modul mengikut standard MQA yang sesetengah guru belum sampai ke tahap kehendak MQA.

Kelulusan MQA terhadap

Dasar kelulusan MQA yang bersifat terhadap, iaitu tidak membebankan kelulusan secara pukal, menambahkan lagi tekanan kerana KV yang menjalankan program sama di sekolah lain tidak akan mendapat kelulusan akreditasi secara automatik.

Bagi memenuhi kekangan penawaran KV yang terhadap, KPM mengarahkan sekolah harian terpilih, terutama sekolah yang pernah menjalankan program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) menjalankan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JKP), KSM.

Kekangan guru berkemahiran mengikut jurusan dan kemudahan kelengkapan di sekolah menjadi cabaran kritikal buat per-

kan hanya boleh mula dibelanjakan sekitar Julai atau Ogos.

Maka berlaku kejadian guru terpaksa menggunakan minyak pelincir terpaksa kerana masalah ketiadaan bahan mentah pembelajaran bengkel kereta.

Peruntukan tak mencukupi

Tekanan amat dirasai pengetua dan pentadbir untuk memenuhi syarat seperti penyediaan bengkel dan mencari peruntukan tambahan untuk melengkapkan sendiri kemudahan.

Ada kalangan mereka yang mengadu tertekan dan berasa malu kerana menajaja di sana sini memohon derma untuk melengkapkan kemudahan dengan inisiatif sekolah, memandangkan KPM hanya memberikan kelengkapan asas yang jauh daripada standard SKM.

Belum lagi membicarakan pelaksanaan PAV dan nasib pelajar yang lalu-lalu latihan mereka juga tidak jelas. Pada usia belum matang, wajarkah mereka mengikuti latihan mengikut standard pekerjaan kebangsaan (NOSS) membabitkan mesin atau peralatan yang dibolehkan untuk golongan dewasa (sekurang-kurangnya 16 hingga 18 tahun).

Pernah terjadi, pelajar yang bertubuh kecil di Tingkatan Satu ditendang mesin bengkel kereta yang sudah pasti sebagai melanggar syarat keselamatan dan kesihatan dalam NOSS.

Bagaimana pula hubungan dan kerjasama industri yang menjadi prasyarat wajib dalam SKM? Ba-

gaimana pula penempatan industri yang menjadi syarat wajib latihan kemahiran?

Pernah juga guru menunjukkan kan saya 30 waktu mengajar seminggu dalam buku iadual mereka yang rasionalnya ialah guru sendiri tidak punya masa untuk berurusan dengan industri. Belum lagi diambil kira jika mereka guru sukan, setiausaha PIBG dan lain-lain.

Apakah JPK juga perlu mengorbankan standard kualiti dan ketegasan melaksanakan penarafan bintang (Star Rating) kepada semua pusat bertauliah semata-mata kerana bersimpati dengan nasib pelajar di sekolah harian?

Jika kita mahukan yang terbaik untuk anak yang sedang dididik, maka semua pihak mesti duduk semeja pada masa ini dengan mengtepikan ego masing-masing melaksanakan kaedah 3P supaya mana-mana kelemahan dan kekangan awam dapat dibantu oleh swasta dan diselarasakan KPM dan JPK.

Perkara ini sudah dirumuskan dalam Forum Kerjasama Awam dan Swasta TEVT yang pernah dianjurkan BH tahun lalu yang turut dibentangkan oleh Datuk Seri Idris Jusoh yang ketika itu Menteri Pendidikan II.

Cukuplah kita mendengar pelbagai polemik dan keresahan terhadap pelaksanaan pendidikan negara yang carca-marba selama ini.

Kita bimbang hasrat transformasi kita tidak sebedasarkan kita bahawa kita sebenarnya bukan melangkah ke hadapan, sebaliknya bergerak ke belakang yang akan merugikan generasi baharu masa kini. Mereka tidak harus dijadikan mangsa kelemahan dan bahan eksperimen yang merugikan.

Saya yakin, Persekutuan Pusat Pusat Bertauliah JPK Swasta Malaysia (FEMAC), Gabungan ILKS Bumiputera dan pelbagai pihak swasta lain bersedia menghulurkan menerusi kerjasama strategik yang bersifat menangan-menang. Cepat, Cekap, Jimat dan Berkesan.



Nordin Abdul Malek

Pengerusi Gabungan ILKS Bumiputera merangkap Penasihat Kehormat Persekutuan Pusat-Pusat Bertauliah JPK Swasta Malaysia (FEMAC).